

**SIARAN BERITA**  
8 Januari 2016

## **EKUINAS CEBURI SEKTOR PENJAGAAN KESIHATAN DENGAN PELABURAN SULUNG BERNILAI RM79.8 JUTA DALAM PM CARE DAN MEDIEXPRESS**

### **Sorotan Penting: -**

- Ekuinas membuat pelaburan bernilai RM79.8 juta dalam dua syarikat penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (*Third Party Administrators*, TPA) yang menandakan penglibatan sulungnya dalam sektor penjagaan kesihatan. TPA membentuk subsektor penjagaan kesihatan yang diananggar bernilai RM100 juta dan pesat berkembang, serta dijangka mencatatkan pertumbuhan 10% setahun untuk mencecah angka RM156 juta menjelang 2019.
- Pelaburan ini merangkumi pemerolehan kepentingan 60% ekuiti dalam PM Care Sdn Bhd (PMCare) dan MediExpress Group, yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd. MediExpress Group ialah TPA terkenal yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat insurans dan segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), manakala PMCare ialah penyedia perkhidmatan TPA milik Bumiputera, yang memberi tumpuan kepada segmen pelanggan korporat.
- Pelaburan ini memberi peluang kepada Ekuinas untuk mewujudkan TPA diterajui Bumiputera yang terbesar di Malaysia dengan pasaran bergabung sebanyak 40% serta potensi perkembangan serantau pada masa hadapan.

**PETALING JAYA, 8 Januari 2016:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan dua pelaburan bernilai RM79.8 juta dalam dua syarikat penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (*Third Party Administrators*, TPA) yang menandakan penglibatan sulungnya dalam sektor penjagaan kesihatan. TPA bertindak sebagai penghubung antara pengguna, pembiaya perubatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan, dengan memanfaatkan pertumbuhan pasaran penjagaan kesihatan dan insurans kesihatan.

Pelaburan ini merangkumi pemerolehan kepentingan 60% ekuiti dalam Kumpulan MediExpress (MediExpress), yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd, dan juga 60% ekuiti dalam PMCare Sdn Bhd (PMCare). MediExpress ialah sebuah Organisasi Penjagaan Terurus (*Managed Care Organisations*, MCO) yang mengendalikan TPA untuk syarikat insurans dan segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), manakala PMCare ialah penyedia perkhidmatan TPA milik Bumiputera, yang memberi tumpuan kepada segmen pelanggan korporat. Dua

syarikat ini dijangka akan digabungkan pada masa hadapan di bawah sebuah syarikat induk, bagi mewujudkan penyedia perkhidmatan TPA yang terbesar di Malaysia dengan 40% pasaran dan lebih daripada 2 juta ahli.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Ekuinas gembira dengan pelaburan sulung dalam sektor penjagaan kesihatan menerusi dua penyedia perkhidmatan TPA yang kukuh ini. Sektor penjagaan kesihatan merupakan salah satu daripada enam sektor sasaran Ekuinas yang dikenal pasti untuk pelaburan dan pasaran TPA membentuk subsektor yang pantas berkembang dengan saiz dianggarkan bernilai RM100 juta serta dijangka mencatatkan pertumbuhan 10% setahun untuk mencecah angka RM156 juta menjelang 2019. Secara bersama, kedua-dua syarikat menyediakan landasan bagi Ekuinas untuk mewujudkan sebuah penyedia perkhidmatan TPA yang utama di Malaysia dan di peringkat serantau sejajar dengan mandat Ekuinas untuk melahirkan syarikat peneraju pasaran generasi baharu".

Ditubuhkan pada 1998 untuk menguruskan Sihat Malaysia di bawah inisiatif 39 syarikat insurans, MediExpress yang diketuai oleh Paul Cheok memberi tumpuan kepada pengurusan perlindungan pesakit di hospital bagi pihak syarikat insurans dan memenuhi keperluan pentadbiran perlindungan pesakit luar menerusi Health Connect. Kumpulan ini kini mempunyai lebih daripada satu juta ahli merangkumi rangkaian penyedia perkhidmatan yang luas dengan lebih 3,000 klinik dan 150 hospital.

PMCare, yang diketuai oleh dua usahawan Bumiputera iaitu Wan Shukri Ariffin dan Adzahar Abdul Wahid, mengkhusus dalam pentadbiran perlindungan perubatan bagi pelanggan korporat dan memenuhi keperluan lebih 3,000 penyedia perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Secara bersama, kedua-dua syarikat menjana hasil tergabung melebihi RM50.0 juta pada TK2014.

Mengulas mengenai pelaburan terkini Ekuinas, Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Abdul Rahman Ahmad menjelaskan, "Sejajar dengan mandat Ekuinas untuk membina kumpulan syarikat peneraju industri dalam sektor pertumbuhan tinggi, Ekuinas bercadang untuk manfaatkan kekuatan setiap syarikat untuk menyediakan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan. Ini akan dilakukan menerusi landasan teknologi tinggi milik syarikat untuk terus meluaskan perniagaan mereka dan membantu perkembangan syarikat di peringkat serantau."

Ekuinas turut mengumumkan pelaburan lanjutan berjumlah RM70.0 juta dalam Orkim Sdn Bhd (Orkim) untuk membantu syarikat tersebut membiayai pembelian tiga Kapal Tangki Produk Petroleum Bersih (*Clean Petroleum Products*, CPP). Kini, Orkim memiliki 14 buah kapal, menjadikannya penyedia pengangkutan CPP terbesar di Malaysia, dengan anggaran bahagian pasaran sebanyak 24%. Pada bulan Disember 2014, Ekuinas telah membuat komitmen pelaburan sebanyak RM346.3 juta untuk memperolehi kepentingan 95.5% dalam Orkim sebagai sebahagian daripada strategi untuk membina kumpulan syarikat pengangkutan dan logistik bagi produk petroleum hiliran yang terkemuka di rantau ini.

Dengan pelaburan dalam sektor penjagaan kesihatan dan pelaburan susulan yang berjumlah RM149.8 juta ini beserta pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar, Ekuinas telah melaksanakan 38 pelaburan sejak ditubuhkan. Ditambah dengan pelaburan bersama pihak swasta, Ekuinas telah membantu kemasukan modal ekonomi sebanyak RM3.2 bilion yang memberi kesan positif terhadap ekonomi Malaysia.

- Tamat -

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Hubungan media:

**Adli Abdul Karim**, Weber Shandwick, [AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com) (03) 6209 5222